

# Hasil penyelidikan angkasa selamat

Kosmo m/s 4 23.10.07

KUALA LUMPUR - Semua bahan penyelidikan yang dibawa pulang dari Stesen Angkasa Antarabangsa (ISS) berada dalam keadaan baik dan kini penyelidikan lanjutan sedang dijalankan oleh saintis Malaysia.

Menurut Pengarah Program Angkasawan Negara, Kolonel Dr. Zulkeffeli Mat Jusoh, semua bahan penyelidikan yang dibawa pulang oleh angkasawan pertama negara, Dr. Sheikh Muszaphar Shukor berjaya dibawa keluar daripada kapsul Soyuz TMA-10 yang mendarat di Arkylk dengan selamat.

"Semuanya selamat cuma keputusan akhir penyelidikan tersebut akan diketahui kemudian," katanya ketika dihubungi *KOSMO!* semalam.

Beliau menjelaskan, kajian yang melibatkan pengabluran kristal akan dibawa ke Jepun untuk dianalisis kerana ia dibuat dengan kerjasama Agensi Eksplorasi Angkasa Jepun (JAXA), sementara beberapa kajian akan diteruskan di Moscow.

"Bahan kajian selebihnya akan dibawa pulang ke Malaysia tidak lama lagi untuk menjalani kajian lanjutan," jelasnya.

Dalam pada itu beliau turut memberitahu, Sheikh Muszaphar kini sedang menjalani proses pemulihan selama dua minggu dan selepas itu beliau dijangka pulang ke tanah air.

"Tetapi kita masih belum tahu bagaimana Sheikh Muszaphar akan pulang dan kita akan bincangkan perkara itu

tidak lama lagi," katanya.

Antara penyelidikan yang dibuat oleh Sheikh Muszaphar ialah mengenai sel kanser, pengkristalan protein, sel tulang, sel radangan dan bakteria yang diselia oleh beberapa Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA).

Antara IPTA terbabit ialah Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Teknologi Mara (UiTM).

Sementara itu, Penyelaras Sains Hayat program penyelidikan untuk Program Angkasawan Negara, Prof. Dr. A. Rahman A. Jamal berkata, penyelidikan yang dijalankan adalah hasil kerjasama Agensi Angkasa Lepas Eropah (ESA) dan JAXA.